

Glosari Penggunaan Istilah-Istilah Berkaitan dengan HIV dan AIDS

Bahasa berupaya membentuk kepercayaan dan mempengaruhi peri laku. Penggunaan istilah-istilah yang tepat dan sensitif mempunyai kuasa untuk mengikis stigma yang sering dikaitkan dengan HIV dan AIDS, serta orang yang hidup dengan atau terjejas oleh HIV.

Istilah Yang Perlu Dielakkan	Istilah Yang Tepat Dan Sensitif	Rasional
<p>HIV / AIDS (kekeliruan antara HIV dan AIDS)</p>	<p>HIV tidak seharusnya disamaertikan dengan AIDS (dan sebaliknya).</p>	<p>HIV (<i>Human immunodeficiency virus</i>) ialah virus yang menyerang sistem imun (sistem ketahanan badan melawan penyakit) manusia. AIDS (Sindrom Kurang Daya Ketahanan Melawan Penyakit) pula merupakan peringkat jangkitan HIV yang paling progresif yang berlaku apabila sistem imun tubuh telah benar-benar lemah dan orang tersebut mengalami jangkitan oportunistik (jangkitan yang mengambil kesempatan terhadap sistem imun yang lemah).</p> <p>Gunakan istilah yang paling spesifik dan bertepatan mengikut kesesuaian konteks bagi mengelakkan kekeliruan antara 'HIV' dan 'AIDS' (pilih satu sahaja). Contohnya, 'orang yang hidup dengan HIV', 'jangkitan HIV', 'program pencegahan HIV', 'diagnosa AIDS', dan 'kanak-kanak yang kematian ibu bapa disebabkan oleh AIDS'.</p> <p>Kedua-dua istilah 'epidemik (wabak) HIV' atau 'epidemik AIDS' adalah diterima pakai, tetapi 'epidemik HIV' adalah lebih menyeluruh.</p>
<p>Pembawa AIDS / Pembawa HIV</p>	<p>Orang yang hidup dengan HIV / mereka yang hidup dengan HIV / orang yang positif HIV</p>	<p>Perkataan 'pembawa' menunjukkan seolah-olah orang yang hidup dengan HIV 'membawa' penyakit atau nasib malang, dan ini hanya memperkukuh stigma terhadap mereka.</p> <p>Istilah 'pembawa AIDS' juga tidak tepat kerana AIDS tidak berjangkit;</p>

		yang berjangkit hanyalah HIV.
Penghidap AIDS / Penghidap HIV	Orang yang hidup dengan HIV, atau singkatannya OHDA	Gunakan istilah orang yang hidup dengan HIV kerana lebih sensitif dan memberikan dimensi kemanusiaan kepada isu yang dibincangkan.
Mangsa AIDS / Penderita AIDS	Orang yang hidup dengan HIV (OHDA)	'Mangsa' atau 'penderita' melambangkan bahawa mereka yang hidup dengan HIV tiada kawalan atas kehidupan masing-masing, dan memberikan gambaran bahawa mereka golongan yang 'lemah'.
Virus AIDS	HIV	Virus AIDS tidak wujud. Virus yang menyebabkan AIDS ialah <i>human immunodeficiency virus</i> atau HIV. Perhatikan juga bahawa 'virus' dalam 'virus HIV' adalah berulang. Oleh sebab itu, HIV sahaja sudah memadai.
Jangkitan AIDS	Jangkitan HIV	AIDS tidak berjangkit; yang berjangkit hanyalah HIV.
Ujian AIDS	Ujian HIV	Tidak terdapat ujian untuk mengesahkan diagnosa AIDS. Gunakan istilah ujian HIV atau ujian antibodi HIV. 'Ujian antibodi HIV' adalah lebih tepat kerana ujian itu sebenarnya mengesan kehadiran antibodi HIV dalam darah, bukan virus itu sendiri.
Pesakit AIDS / Pesakit HIV	Orang yang hidup dengan HIV (OHDA).	Gunakan istilah 'pesakit' hanya dalam konteks perubatan atau keadaan klinikal; sebagai contoh, 'pesakit yang menghidap penyakit berkaitan dengan HIV'.
Risiko AIDS	Risiko jangkitan HIV	AIDS tidak berjangkit; yang berjangkit hanyalah HIV.
Golongan berisiko tinggi	Tingkah laku berisiko tinggi / amalan berisiko tinggi (contoh: perkongsian alat suntikan yang tercemar', 'amalan seks yang tidak selamat')	Istilah ini melambangkan bahawa keahlialan dalam sesuatu 'kumpulan' atau 'kelompok' menjadikan seseorang itu berisiko untuk dijangkiti HIV. Ini tidak benar kerana kelakuan dan bukannya kumpulan sosial mendedahkan seseorang kepada risiko jangkitan HIV.
Mangsa tidak berdosa	Orang yang hidup dengan HIV	Istilah ini sering digunakan untuk merujuk kepada kanak-kanak yang positif HIV atau mereka yang dijangkiti HIV melalui faktor

		<p>perubatan (contoh, pemindahan darah yang tercemar). Dengan ini, kita seolah-olahnya menyatakan bahawa mereka yang dijangkiti HIV melalui faktor-faktor lain adalah berdosa, bersalah atau tidak bermoral.</p> <p>Gunakan 'kanak-kanak yang hidup dengan HIV', 'orang yang dijangkiti HIV melalui pemindahan darah yang tercemar', atau 'orang yang hidup dengan HIV'.</p>
Aids	AIDS	<p>AIDS merupakan akronim bagi <i>Acquired Immune Deficiency Syndrome</i>. Oleh sebab itu, AIDS mesti <u>ditulis dengan huruf besar sepenuhnya</u> kerana jika ditulis dengan huruf kecil pembaca mungkin terkeliru dengan perkataan Inggeris 'aids' yang bermaksud 'membantu'.</p>
Seks bebas / seks rambang / seks luar nikah	Amalan seks yang tidak selamat	<p>Seseorang tidak dijangkiti HIV kerana bertukar-tukar pasangan seks atau seks sebelum bernikah, tetapi disebabkan oleh amalan seks yang tidak selamat (tanpa menggunakan kondom).</p>
Penagih dadah	Pengguna dadah	<p>'Pengguna dadah' merupakan istilah yang lebih sensitif dan tidak merendahkan martabat seseorang. Dalam menerangkan risiko jangkitan HIV, gunakan istilah 'pengguna dadah secara suntikan' untuk memberikan penekanan terhadap peri laku berisiko.</p>
Pelacur	Pekerja seks	<p>'Pekerja seks' istilah yang lebih sensitif dan tidak merendahkan martabat seseorang. Untuk menjelaskan bidang pekerjaan yang berkaitan, gunakan istilah 'pekerjaan seks' (bukan 'pelacuran').</p>

Sebahagian kandungan di atas disuaipadankan daripada *UNAIDS Terminology Guidelines (January 2011)*. Dikemaskinikan September 2013.